

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN NO. 393

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian Pengangkutan bersetuju untuk memberi subsidi atau mengurangkan bayaran yuran bagi mendapatkan lesen memandu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, tiada sebarang subsidi atau pengurangan bayaran yuran yang diberikan kepada orang awam bagi mendapatkan lesen memandu. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan telah membuat penetapan harga siling yuran memandu sebagai langkah kawalan terhadap harga yuran yang dikenakan oleh pihak penyedia perkhidmatan/ institut memandu. Selain itu, penetapan harga siling yuran memandu tersebut bertujuan untuk mengelakkan pihak penyedia perkhidmatan mengambil kesempatan atau peluang ke atas pemohon dengan mengenakan harga yuran yang terlalu tinggi. Di samping itu juga, penetapan harga siling ini turut membantu pemohon untuk membuat pilihan sendiri sama ada untuk memilih perkhidmatan yang menyediakan kos-kos tambahan atau pun sebaliknya.

Sekian, terima kasih.